

BAHAGIAN A
(50 MARKAH)

أَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

- 1 Ayat di atas merupakan dalil bagi kewajipan menunaikan solat dan _____.
 - A puasa
 - B zakat
 - C fidyah
 - D berwudhuk
- 2 Berikut merupakan golongan-golongan yang disebut sebagai golongan muallaf **kecuali**.
 - A Orang yang diharap keislamannya.
 - B Orang yang ditakuti kejahatannya.
 - C Orang yang baru memeluk agama Islam.
 - D Orang yang telah lama memeluk Islam.
- 3 Apakah hukum bagi muallaf menggantikan ibadah zakat sebelum memeluk Islam?
 - A Wajib.
 - B Harus.
 - C Sunat.
 - D Tidak wajib.
- 4 Para ulama bersepakat bahawa zakat harta tidak harus diberikan kepada golongan bukan Islam kerana
 - A Orang bukan Islam sudah kaya.
 - B Zakat adalah hak milik orang Islam sahaja.
 - C Orang bukan Islam tidak layak mendapat harta orang Islam.
 - D Ibadah zakat ini bukan sekadar bantuan sosial semata-mata tetapi terdapat konsep ibadah melalui perlaksanaannya.

" Demi Allah! Sesungguhnya Nabi SAW memberi kepada saya sedangkan Baginda ialah insan yang paling saya benci.Maka, Baginda sentiasa memberi kepada saya hingga Baginda menjadi insan yang paling saya kasihi."

- 5 Ucapan di atas keluar daripada mulut sahabat Nabi SAW yang bernama
- A Bilal Bin Rabah.
 - B Abu Bakar As-Siddiq.
 - C Zubair Bin Al-Awwam.
 - D Sofwan Bin Umaiyyah.
- 6 Punca yang menyebabkan berlakunya salah faham di antara saudara baru dan keluarga mereka adalah salah faham berkenaan masuk Islam adalah masuk _____.
- A Iban
 - B India
 - C China
 - D Melayu
- 7 Hukum menukarkan nama asal kepada nama yang lain adalah
- A Wajib.
 - B Harus.
 - C Haram.
 - D Makruh.
- 8 Berikut merupakan antara sikap-sikap segelintir muslim yang salah faham terhadap golongan muallaf **kecuali**
- A Muallaf dihina kerana cuba memohon zakat.
 - B Muallaf dituduh memeluk Islam atas faktor perkahwinan semata-mata.
 - C Muallaf dituduh memeluk Islam atas faktor hidayah daripada Allah SWT.
 - D Muallaf dituduh memeluk Islam kerana ingin dapatkan bantuan kewangan semata-mata.

- 9 Nabi SAW pernah menukarkan nama seorang wanita yang bernama 'Asiyah kepada nama Jamilah. Apakah maksud nama 'Asiyah dan Jamilah?
- A 'Asiyah - Cantik , Jamilah – Baik.
 - B 'Asiyah - Cerdik , Jamilah – Pintar.
 - C 'Asiyah - Lembut , Jamilah - Hodoh.
 - D 'Asiyah - Wanita yang melakukan maksiat , Jamilah – Cantik.
- 10 Hukum tinggal bersama dengan keluarga yang berbeza agama selepas memeluk agama Islam adalah
- A Sunat.
 - B Harus.
 - C Haram.
 - D Makruh.
- 11 Menurut pandangan mazhab syafi'e, Jilatan anjing _____ disamak.
- A Wajib
 - B perlu
 - C tidak perlu
 - D tidak wajib

"Ini orang sudah murtad. Baru masuk Islam dah murtad, entah - entah setiap hari makan babi."

- 12 Ayat seperti di atas biasanya kedengaran apabila segelintir masyarakat yang memandang serong terhadap
- A Muallaf yang jahat.
 - B Muallaf yang tinggalkan keluarga.
 - C Muallaf yang derhaka terhadap ajaran Islam.
 - D Muallaf yang masih tinggal bersama keluarga setelah memeluk Islam.

- 13 Apakah hikmah digalakkan meletakkan penambahan nama Abdullah /bin/binti Abdullah kepada muallaf?
- A Supaya tidak dikenali oleh keluarga asal yang belum beragama Islam.
 - B Memudahkan urusan permohonan zakat dan bantuan di Majlis Agama Islam.
 - C Memudahkan pengenalan idendtiti muallaf sebagai orang yang beragama Islam.
 - D Menghilangkan kaitan dan hubungan muallaf dengan keluarga yang bukan Muslim.
- 14 Apabila muallaf tinggal bersama keluarga yang belum memeluk Islam, Adakah muallaf tersebut perlu menghapuskan berhala yang ada dirumahnya?
- A Perlu.
 - B Wajib.
 - C Tidak perlu.
 - D Tidak wajib.
- 15 Mengikut ajaran Islam, sebagai seorang anak, muallaf wajib mentaati dan berbuat baik kepada ibu bapa kecuali sekiranya mereka
- A Menentang Islam.
 - B Tidak suka kepada Islam.
 - C Mengajak kepada perkara yang diharamkan.
 - D Menyuruh melakukan perkara yang bertentangan dengan Akidah Islam.

"Tidakkah Allah menyuruh kamu berbuat baik.Demi Allah!Aku tidak akan makan apa-apa makanan dan aku tidak akan meneguk apa-apa minuman hingga aku mati atau kamu kembali kepada agama asal."

- 16 Ucapan di atas diungkapkan oleh ibu kepada Sahabat Nabi SAW yang bernama
- A Bilal Bin Rabah.
 - B 'Ali Bin Abi Talib.
 - C 'Uthman Bin 'Affan.
 - D Saad Bin Abi Waqas.

17 Berikut merupakan hikmah menziarahi ibu bapa yang belum Islam **kecuali**

- A Merupakan cara berbuat Ihsan kepada mereka.
- B Supaya hubungan di antara mereka tidak terputus.
- C Sebagai salah satu wasilah dakwah kepada mereka.
- D Dapat mengambil bahagian dalam pembahagian harta apabila mereka sudah tiada .

18 Hukum bapa yang belum Islam menjadi wali kepada anak perempuannya yang baru sahaja memeluk agama Islam

- A Harus.
- B Sunat.
- C Makruh.
- D Tidak harus.

19 Pengertian tadarruj dari segi bahasa ialah

- A Pukal.
- B Perlahan.
- C Sekaligus.
- D Berperingkat.

Adanya keharusan menziarahi orang kafir ketika hidup dan di kuburan mereka selepas kematian. Hal ini menunjukkan bahawa apabila harus menziarahi mereka selepas kematian, maka menziarahi mereka ketika hidup adalah lebih utama.

20 Kenyataan di atas membuktikan bahawa Islam mengajar bahawa

- A Diharuskan menziarahi orang bukan Islam apabila sakit sahaja.
- B Tidak harus menguruskan ibu bapa yang belum Islam ketika mereka sakit.
- C Hubungan kekeluargaan di antara keluarga yang belum Islam tidak terputus.
- D Jangan lepaskan peluang untuk memperolehi harta ibu bapa dengan berbuat baik kepada mereka.

21 Siapakah nama bapa saudara yang sangat dicintai oleh Nabi SAW, namun di akhir kehidupannya tetap tidak mengucap dua kalimah shahadah?

- A Abdullah.
- B Abu Talib.
- C Abu Jahal.
- D Abdul Mutalib.

"Penghormatan jenazah adalah perlu tanpa mengira status agama."

22 Kenyataan di atas adalah

- A Salah.
- B Benar.
- C Sesat.
- D Tidak benar.

23 Siapakah nama tokoh sahabat yang telah menganut pelbagai jenis agama sebelum diberi hidayah untuk memeluk Agama Islam?

- A Saiyyidina Bilal Bin Rabah.
- B Saiyyidina Salman Al-Farisi.
- C Saiyyidina Ali Bin Abi Thalib.
- D Saiyyidina Uthman Bin 'Affan.

24 Hukum menghadiri upacara pengebumian jenazah keluarga yang belum Islam dengan niat menziarahi jenazah dan berkongsi kesedihan dengan ahli keluarga yang lain adalah

- A Wajib.
- B Harus.
- C Sunat.
- D Haram.

- 25 Dalam Islam, hukum mendoakan keampunan bagi orang bukan islam adalah?
- A Haram.
 - B Harus.
 - C Sunat.
 - D Tidak harus.
- 26 Anak yang lahir daripada pernikahan pasangan bukan Muslim sebelum keislaman mereka ialah anak yang _____ dari sudut undang-undang dan juga hukum syarak.
- A Setaraf
 - B Sah taraf
 - C Tidak sah taraf
 - D Samar-samar taraf
- 27 Apakah status perkahwinan pasangan suami isteri apabila salah seorang memeluk agama Islam.
- A Ragu-ragu.
 - B Tidak terbatal..
 - C Terbatal secara mutlak
 - D Terbatal kecuali dalam masa 3 bulan isteri atau suami mengikut jejak langkah pasangan memeluk agama Islam.
- 28 Apakah hukum perkahwinan antara Muslim dan bukan Muslim yang berminat dengan Islam?
- A Harus.
 - B Sunat.
 - C Makruh.
 - D Tidak Harus.

- 29 Secara asasnya apakah agama anak yang kecil apabila salah seorang ibu bapanya memeluk agama Islam?
- A Boleh memilih mana-mana agama mengikut persetujuan ibu bapa.
 - B Mengikut agama ibunya sehinggalah anak tersebut baligh dan berhak untuk membuat keputusan sendiri.
 - C Mengikut agama bapanya sehinggalah anak tersebut baligh dan berhak untuk membuat keputusan sendiri.
 - D Tidak perlu mempunyai sebarang agama sehinggalah anak tersebut baligh dan berakal untuk membuat keputusan sendiri.
- 30 Menurut Mazhab Syafie, hak penjagaan ketika anak masih kecil mestilah memenuhi syarat utama dalam Islam iaitu
- A Penjaga mestilah kaya.
 - B Penjaga mestilah seorang Muslim.
 - C Penjaga mestilah mempunyai keperluan asas yang cukup.
 - D Penjaga mestilah mempunyai pertalian dengan ibu bapa anak tersebut.
- 31 Hukum nafkah kepada anak bagi suami yang telah memeluk agama Islam
- A Wajib.
 - B Sunat.
 - C Harus.
 - D Haram.
- 32 Hukum pembahagian harta secara faraid tidak boleh diagihkan kepada ahli waris yang bukan Muslim. Namun terdapat kaedah lain yang boleh dilakukan iaitu seperti wasiat. Apakah kadar wasiat yang dibenarkan untuk diagihkan kepada keluarga yang bukan Muslim?
- A Boleh melebihi satu per tiga.
 - B Semua harta boleh diwasiatkan.
 - C Mestilah tidak melebihi satu per tiga.
 - D Mestilah tidak melebihi satu per dua.
- 33 Berfesyen dalam Islam adalah harus atas sebab-sebab berikut **kecuali**
- A Pakaian tersebut tidak ketat
 - B Pakaian tersebut tidak nipis.
 - C Pakaian tersebut tidak mempunyai unsur *tabarruj*.
 - D Pakaian tersebut dijahit oleh orang bukan Muslim.

- 34 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep 'bertakah' dalam perbahasan fiqh berpakaian?
- A Berpakaian dengan pakaian yang sangat labuh.
 - B Memakai pakaian adat agama yang dianutinya sebelum memeluk Islam.
 - C Berpakaian menutup aurat secara perlahan-lahan dan sedikit demi sedikit.
 - D Tidak berpakaian menutup aurat semasa berada bersama keluarga asal yang bukan Muslim.
- 35 Berapakah bahagian faraid suami yang kematian isterinya yang tidak mempunyai anak?
- A Satu per dua.
 - B Satu per tiga.
 - C Satu per lapan.
 - D Satu per empat.
- 36 Hukum hakam Islam ini adalah hukum-hukum yang menjaga kemaslahatan dan keperluan umatnya. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan Islam dari segi bahasa?
- A Suci.
 - B Indah.
 - C Bersih.
 - D Sejahtera.
- 37 Apakah ilmu yang membahaskan tentang perwarisan harta pusaka?
- A Ilmu Faraid.
 - B Ilmu Fiqh Muallaf.
 - C Ilmu Fiqh keluarga.
 - D Ilmu Fiqh Perkahwinan.
- 38 Berikut merupakan harta yang tidak dikira sebagai harta pusaka **kecuali**
- A Pencen terbitan.
 - B Faedah kematian.
 - C Wang derma ketika kematian.
 - D Wang pencen semasa hidup yang belum digunakan.